



BAHAGIAN SUKAN, KOKURIKULUM DAN KESENIAN

Sports, Co-curricular and Arts Division

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Ministry of Education Malaysia

Aras 1, 2 & 7, Blok E13, Kompleks E

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62604 PUTRAJAYA

MALAYSIA

Telefon : +603 8884 1001 / +603 8884 1002

Faks : +603 8884 1034 / +603 8888 6790

Laman Web : www.moe.gov.my

Ruj. Kami : KPM.600-4/1/1 JLD.32(82)

Tarikh : 29 November 2024

Ketua Pemasaran
A.W. Faber-Castell (M) Sdn. Bhd
No. 9, Jalan TP2
Taman Perindustrian Sime UEP
47620 Subang Jaya
Selangor

Puan,

PENGIKTIRAFAN MARKAH KOKURIKULUM PELIBATAN MURID BAGI CABARAN OLIMPIK PEMBELAJARAN KREATIF SKOR A 2024 ANJURAN A.W. FABER-CASTELL (M) SDN. BHD

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia mengucapkan tahniah atas usaha pihak puan kerana telah memberi peluang kepada murid meningkatkan potensi diri serta menaikkan nama sekolah melalui **Cabaran Olimpik Pembelajaran Kreatif Skor A 2024 Anjuran A.W. Faber-Castell (M) Sdn. Bhd** yang dilaksanakan pada **1 Jun hingga 14 November 2024**.

3. Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian telah menerima serta meneliti laporan penglibatan murid bagi program yang dianjurkan. Sehubungan dengan itu, pengiktirafan pemarkahan yang diberikan adalah **Pelibatan I dan Pencapaian Peringkat Kebangsaan**. Markah ini diambil kira dalam pemarkahan penglibatan kokurikulum dalam Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK). Bagi tujuan pemarkahan, pihak penganjur perlu merujuk kepada jadual penilaian markah PAJSK yang telah ditetapkan seperti di Lampiran A.

4. Sehubungan dengan itu, pihak puan dimohon untuk memanjangkan salinan surat pengiktirafan program berserta senarai pemenang dan peserta yang terlibat kepada Jabatan Pendidikan Negeri yang berkenaan. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini, pihak puan boleh menghubungi **Dr. Fazura binti Mohd Noor** di talian **03-88721649** atau e-mel fazura.mohd@moe.gov.my

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(ITHNIN BIN MAHADI)

Pengarah

Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian

Kementerian Pendidikan Malaysia

**PENERANGAN PENYELARASAN PENGIKTIRAFAN PEMARKAHAN PELIBATAN DAN
PENCAPAIAN KOKURIKULUM MURID DALAM PENILAIAN PENTAKSIRAN AKTIVITI
JASMANI, SUKAN DAN KOKURIKULUM (PAJSK) KEMENTERIAN PENDIDIKAN
MALAYSIA**

JENIS PELIBATAN

JENIS	TAFSIRAN
PELIBATAN I	Murid yang didaftarkan sebagai atlet/peserta perkhemahan/ kejohanan/ kursus/karnival/program pertandingan
PELIBATAN II	Pelibatan murid dalam aktiviti seperti: - Jawatankuasa pelaksana - Petugas Teknikal - Persembahan selingan
PELIBATAN III	Pelibatan murid yang bersifat meramaikan majlis seperti penyokong, kumpulan sorak dan sebagainya

SKOR PELIBATAN

PERINGKAT	SKOR		
	Pelibatan I	Pelibatan II	Pelibatan III
Antarabangsa	20	15	10
Kebangsaan	17	12	8
Negeri	14	10	6
Bahagian (Sabah/ Sarawak)	12	9	5
Zon/Daerah	11	8	4

SKOR PENCAPAIAN

ELEMEN	PERKARA	SKOR				
TAHAP PENCAPAIAN	PERINGKAT	Johan	Naib Johan	Ketiga	Keempat	Kelima
	Antarabangsa	20	19	18	17	16
	Kebangsaan	17	16	15	14	13
	Negeri	14	13	12	11	10
	Daerah	11	10	9	8	7
	Sekolah	8	7	6	5	4